

**DRAF TEKS UCAPAN  
TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR ANJUNG BAGAN  
PADA 4 JANUARI 2014 (AHAD)  
JAM 5:00 PETANG**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng**

Ahli MMK Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Uiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi)

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli MMK Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

**Yang Berhormat Tuan Tanasekharan a/l Autherapady**

ADUN Bagan Dalam

**Yang Berbahagia Dato' Hong Yeam Wah**

Pengarah Tah Wah Group

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

Mantan dan Bakal Ahli Majlis MPSP

Ketua - ketua Jabatan

Kakitangan Tah Wah Group

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat petang dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir sama ke Majlis Perasmian Projek CSR Anjung Bagan pada petang ini. Tidak terlambat sekiranya saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2014 kepada YAB Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Semoga tahun 2014 akan lebih baik daripada tahun 2013

Untuk makluman Y.A.B Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

MPSP telah melancarkan program CSR sejak bulan Jun 2011. Genap 2 ½ tahun program CSR berjalan, 12 projek telah siap dan 17 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Salah satu projek yang telah siap adalah Projek CSR Lanskap Anjung Bagan. Projek ini adalah ditajakan oleh Tah

Wah Group telah menyatakan minatnya dan menyahut program CSR MPSP untuk menaiktaraf landskap di Anjung Bagan ini pada 3 September 2012. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 26 September 2013. Dalam projek ini, komponen-komponen yang dinaiktaraf adalah

1. Sebahagian kolam sedia ada ditambun dan telah ditanam dengan pokok dan rumput
2. Pemasangan 10 lampu taman
3. Menyediakan arca berbentuk sauh
4. Menyediakan 4 unit alat senaman *outdoor gym*
5. Menyediakan pergola dan wakaf
6. Membentuk landskap baru
7. Membaliki dan menaiktaraf air pancutan sediaada

Kos yang terlibat dalam projek ini adalah sebanyak RM 350 ribu. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tah Wah Group, Dato' Hong Yeam Wah kerana sudi membantu Majlis mengindahkan Anjung Bagan ini di Butterworth. Dengan terasminya Anjung Bagan ini maka bertambahlah satu lokasi lagi yang dapat menjadi pilihan untuk dikunjungi oleh penduduk Seberang Perai terutamanya penduduk di sekitar Seberang Perai Utara untuk aktiviti riadah. Anjung Bagan yang baru ini juga akan menjadi sebuah mercu tanda kehijauan yang baru di SPU terutamanya di Butterworth. Projek ini juga selari dengan *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*.

Y.A.B Ketua Menteri, YB-YB, tuan-tuan dan puan-puan,

Buat masa sekarang, Seberang Perai mempunyai 18 taman rekreasi diantaranya adalah seperti Hutan Lipur Cherok To'kun, Hutan Lipur Bukit Panchor, Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, Vision Park dan lain-lain lagi. Selain itu, MPSP juga telah menaiktaraf *taman* yang terdapat di Seberang Perai seperti di Taman Tunku, Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Taman Alma Indah, Taman Prima Perai, Taman Bayu Mutiara, Taman Kimsar, Taman Berjaya, Taman Terbilang dan Padang Awam Jawi melalui program CSR Lanskap MPSP.

Pada tahun 2013, MPSP telah membelanjakan RM 800 ribu untuk menaiktaraf taman-taman kejiranan (pocket park). Jumlah ini adalah termasuk membuat pemasangan alat-alat permainan di taman-taman, memperbaiki gelanggang, menambahbaik kawasan lapang dan lain-lain lagi. MPSP juga telah membelanjakan RM 423,723.55 untuk menyelenggara dan membaiki alat-alat permainan di Seberang Perai.

Oleh itu, saya memohon dan menyeru kepada semua penduduk Seberang Perai supaya menjaga alat-alat permainan dan alat senaman yang telah disediakan dengan baik kerana pada tahun 2013, MPSP telah menerima 5 kes tentang alat permainan dibakar dan 206 kes dimana alat permainan telah dirosakkan.

Disamping itu, MPSP juga telah mensyaratkan pemaju dalam pelan landskapnya menyediakan pelbagai alat permainan mengikut keperluan gender dan umur seperti alat permainan untuk kanak-kanak, alat senaman luar (*outdoor gym*), jogging trek, dan lain-lain supaya keperluan gender dan umur dapat dipenuhi. Ini dapat menghindarkan vandalisme berlaku.

Dengan kewangan yang terhad, MPSP juga peka dengan dengan keperluan rekreasi penduduk. Pada tahun 2014 ini, MPSP juga telah menyediakan bajet sebanyak RM 800 ribu untuk tujuan rekreasi dan menambahbaik taman-taman kejiranan.

Oleh itu, dengan adanya projek CSR bersama 4P's (Public-Private-People Partnership) atau (CSR + 4P's) ini dapatlah kita bersama-sama menyumbang kepada mempertingkatkan kesihatan penduduk Seberang Perai.

Dalam projek CSR Landskap MPSP, masih terdapat 29 lokasi yang belum mempunyai penaja. Lokasi tersebut adalah: Sebanyak 29 lokasi yang belum ditaja adalah seperti di:

- Pintu Masuk Bumbung Lima, SPU
- Pintu Masuk Kampung Selamat, SPU
- Pintu Masuk Ara Kuda, SPU
- Bandar Butterowrth, SPU

- Jalan Bagan Luar, SPU
- Taman Robina, Teluk Air Tawar SPU
- Pantai Kamloon, SPU
- Taman Rekreasi Padang Cempedak, SPU
- Bulatan Perusahaan Perai, SPT
- Bulatan Seberang Jaya, SPT
- Bulatan Bukit Minyak A, SPT
- Pintu Masuk Machang Bubuk, SPT
- Jalan Baru Perai, SPT
- Taman Bandar Ampang Jajar, SPT
- Taman Semilang, Seberang Jaya, SPT
- Taman Rimba Cherok To'kun, SPT
- Empangan Tasek Mengkuang, SPT
- Kolam Teratai, Taman Desa Damai. SPT
- Pintu Masuk Permatang Keling, SPS
- Pintu Masuk Taman Sempadan, SPS
- Pintu Masuk Sg. Hilir Kecil / Jalan Kampung Besar, SPS
- Pintu Masuk Jalan Relau, SPS
- Pintu Masuk Jalan Tasek/ Junjung, SPS
- Taman Negeri Bukit Panchor, SPS
- Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, SPS
- Taman Rekreasi Sungai Sanglang, SPS

- Rizab jalan bermula dari pintu utama USM sehingga Ampang Jajar Kerian, SPS
- Pekan Nibong Tebal, SPS
- Tanah Lapang, Taman Bukit Panchor, SPS

Oleh itu, saya berharap lebih banyak syarikat yang akan menghubungi MPSP untuk melibatkan diri dalam Projek CSR Lanskap dalam tahun 2014 ini.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin memohon semua pengunjung Anjung Bagan untuk bersama-sama bekerjasama dengan MPSP untuk menjaga dan memelihara kemudahan-kemudahan seperti alatan senaman, kerusi dan lain-lain yang telah disediakan oleh Tah Wah Group dengan baik. Tidak lupa juga dipohon untuk menjaga kebersihan di sini kerana taman awam memainkan peranan yang penting untuk orang ramai beriadah, untuk menjalankan aktiviti luar yang mampu menyihatkan tubuh badan serta satu gaya hidup sihat.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.